

» **BANK** » **SOALAN** **UASA**

Pendidikan Islam

Tingkatan

2

KSSM

BAHAGIAN A

1. Allah SWT berkuasa _____ seseorang dengan pelbagai cara.
A memarahi
B membenci
C menyayangi
D memuliakan
2. Penciptaan alam semesta menunjukkan bahawa Allah bersifat _____.
A Al-Qadir
B Al-Ghaniy
C Al-Qawiy
D Ar-Razak
3. Beriman kepada malaikat merupakan rukun iman yang _____.
A pertama
B kelima
C keenam
D kedua
4. Antara berikut, yang manakah tugas bagi malaikat Mikail?
I Menurunkan hujan
II Mengatur pembahagian rezeki
III Menjaga syurga
IV Mencatat amalan baik manusia
A I dan II
B II dan III
C III dan IV
D I dan IV

Diturunkan secara berperingkat-peringkat selama 23 tahun

5. Berdasarkan pernyataan di atas, apakah nama kitab suci tersebut?
A Al-Quran
B Taurat
C Injil
D Zabur
6. Antara berikut, yang manakah keistimewaan al-Quran?
I Terpelihara sehingga kiamat
II Menjadi bacaan yang diberi pahala
III Sebagai mukjizat kebesaran Rasulullah SAW
IV Isi kandungan lengkap yang mencakupi segala aspek kehidupan
A I dan II
B II dan III
C III dan IV
D I dan IV
7. Maksud tanwin ialah baris _____, iaitu baris dua di atas, di bawah dan di hadapan.
A satu
B dua
C tiga
D empat

8. Apakah kelebihan orang yang menunaikan solat secara berjemaah?
- A Mendapat kelebihan 27 darjat
 - B Dapat berlumba-lumba solat dengan rakan
 - C Dapat menambah kenalan
 - D Solat lebih cepat ditunaikan
9. Antara hikmah menunaikan solat Jumaat adalah melatih umat Islam supaya _____.
- A bersatu
 - B memimpin
 - C tolak ansur
 - D bersabar
10. Antara berikut, yang manakah merupakan syarat khutbah Jumaat?
- I Imam
 - II Makmum
 - III Khatib
 - IV Khutbah
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV

Amir bertayamum lalu menunaikan solat fardu Zohor. Amir terkentut ketika sedang menunaikan solat itu, namun dia tetap meneruskan solat tanpa bertayamum yang baharu.

11. Berdasarkan pernyataan di atas, apakah hukum solat zohor yang dikerjakan oleh Amir seperti itu?
- A Batal
 - B Sah
 - C Harus
 - D Makruh
12. Berikut merupakan perkara yang membatalkan tayamum kecuali
- A terdapat air sebelum solat dimulakan
 - B semua perkara yang membatalkan wuduk
 - C menggunakan debu yang suci dan tidak bernajis
 - D boleh menggunakan semula air
13. Hikmah disyariatkan tayamum adalah menunjukkan bahawa Allah kasih kepada hamba-Nya dengan memberi _____ untuk melakukan ibadat.
- A kemudahan
 - B keringanan
 - C tatacara
 - D kebaikan
14. Apakah pengertian rukhsah dari segi bahasa?
- A Menyapu air
 - B Mudah dan ringan
 - C Solat jamak dan qasar
 - D Solat ketika sakit

15. Antara berikut, yang manakah contoh rukhsah dalam ibadat?

- I Iktikaf
- II Solat jamak dan qasar
- III Solat ketika sakit
- IV Tayamum
- A** I dan II
- B** II dan III
- C** III dan IV
- D** I dan IV

Empat bulan yang lepas Zahid telah mengalami patah tangan, namun kini dia telah pulih dan boleh menggerakkan tangan tersebut seperti sedia kala.

16. Berdasarkan pernyataan di atas, apakah hukum solat bagi Zahid sekarang?

- A** Makruh
- B** Masih boleh solat secara rukhsah
- C** Solat kekal seperti biasa
- D** Tidak perlu tunaikan solat

17. Apakah ibadat yang boleh dilakukan seseorang pada bulan Ramadan?

- A** Membaca al-Quran
- B** Makan dan minum pada siang hari
- C** Murtad
- D** Pitam sepanjang hari

18. Antara berikut, yang manakah perkara sunat ketika sahur?

- I Melewatkan sahur
- II Makan dengan kuantiti yang banyak
- III Tergesa-gesa bersahur
- IV Mandi junub sebelum fajar jika berjunub
- A** I dan II
- B** II dan III
- C** III dan IV
- D** I dan IV

19. Salah satu golongan yang diharuskan berbuka puasa ialah

- A** orang tua yang tidak mampu berpuasa
- B** perempuan yang keluar darah haid
- C** orang yang muntah dengan sengaja
- D** orang gila

20. Antara berikut, yang manakah golongan yang diharuskan berbuka puasa tetapi wajib membayar fidyah?

- I Sakit tenat yang tiada harapan sembuh
- II Perempuan haid, wiladah dan nifas
- III Musafir yang diharuskan syarak
- IV Orang tua yang tiada daya untuk berpuasa
- A** I dan II
- B** II dan III
- C** III dan IV
- D** I dan IV

21. Solat sunat menghidupkan malam Ramadan merupakan pengertian bagi solat sunat _____.

- A** tahiyatul masjid
- B** witr
- C** tarawih
- D** rawatib

22. Antara berikut, yang manakah contoh solat sunat rawatib?

- I Solat sunat dua rakaat sebelum solat subuh
 - II Solat sunat tahiyatul masjid
 - III Solat sunat witir
 - IV Solat sunat dua rakaat selepas solat maghrib
- A** I dan II
B II dan III
C III dan IV
D I dan IV

23. Solat sunat rawatib dilakukan secara _____.

- A** bersendirian
B berpasangan
C berjemaah
D berpasukan

Terdiri daripada dua rakaat satu salam atau empat rakaat dua salam.

24. Pernyataan di atas merujuk solat _____.

- A** tarawih
B witir
C fardu
D rawatib

25. Rasulullah SAW menjalankan dakwah setelah mendapat _____ daripada Allah SWT.

- A** perintah
B wahyu
C hidayah
D arahan

26. Pada permulaan dakwah, Rasulullah SAW telah melakukannya secara _____.

- A** terbuka
B terang-terangan
C sulit
D berpasukan

27. Antara berikut, yang manakah merujuk dakwah secara terang-terangan?

- I Dilakukan kepada kaum kerabat
 - II Dilakukan kepada individu
 - III Mengambil masa hampir tiga tahun
 - IV Dilakukan kepada masyarakat awam
- A** I dan II
B II dan III
C III dan IV
D I dan IV

28. Dakwah Rasulullah SAW dilakukan bukan sahaja melalui kata-kata tetapi juga melalui tingkah laku dan _____ mulia.

- A** akhlak
B tindakan
C bahasa
D penulisan

29. Berpindah daripada kehidupan yang buruk kepada kehidupan yang baik juga diertikan sebagai _____.
- A hijrah
 - B dakwah
 - C wahyu
 - D hidayah
30. Antara berikut, yang manakah faktor yang mendorong berlakunya hijrah?
- I Perintah Allah SWT
 - II Isyarat Allah SWT
 - III Untuk memelihara akidah
 - IV Mempertahankan Rasulullah SAW
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV
31. Rasulullah SAW telah menghantar _____ untuk berdakwah dan mengajar al-Quran kepada penduduk Yathrib.
- A Umar Al-Khattab
 - B Sayidatina Khadijah
 - C Mus'ab bin Umair
 - D Abu Salamah
32. Rasulullah SAW mengamalkan peperangan yang beretika seperti _____.
- A tidak membunuh orang awam
 - B mengutamakan pendamaian
 - C membina masjid
 - D menubuhkan pasukan peronda
33. Apakah iktibar yang boleh diambil daripada kepimpinan Rasulullah SAW dari aspek kemasyarakatan?
- A Mengimarahkan masjid
 - B Melibatkan diri dalam aktiviti ekonomi setempat
 - C Berdisiplin dan patuhi peraturan yang ditetapkan
 - D Tidak bersubahat dengan perlakuan jahat
- Orang pertama yang menerima Islam
34. Pernyataan di atas merujuk _____.
- A Sayidatina Aisyah r.a.
 - B Sayidatina Khadijah r.a.
 - C Sayidatina Fatimah r.a.
 - D Sayidatina Sumayyah r.a.
35. Rasulullah SAW melakukan banyak _____ kerana sifat malu kepada Allah SWT.
- A suruhan
 - B larangan
 - C ibadat
 - D dakwah
36. Hikmah sifat kasih sayang dalam kehidupan adalah
- A sebagai bukti cinta kepada seseorang
 - B memenuhi tuntutan agama
 - C dapat mencintai orang lain secara melampau
 - D menunjukkan sayang yang keterlaluan

37. Antara berikut, yang manakah menjadi punca penderhakaan kepada ibu bapa?
- I Sering melakukan maksiat
 - II Kurang penghayatan agama dalam kehidupan
 - III Terpengaruh dengan rakan yang negatif
 - IV Menyekutukan Allah SWT
- A** I dan II
B II dan III
C III dan IV
D I dan IV
38. Memuliakan jiran membuktikan seseorang beriman kepada kepada Allah SWT dan _____.
- A** malaikat
B hari kiamat
C kitab Allah
D qadak dan qadar
39. Salah satu adab ketika keluar dari masjid ialah
- A** membaca selawat
B mendahului kaki kanan
C mendahului kaki kiri
D membersihkan masjid
- Mengeratkan persaudaraan sesama Islam
 - Merasai ketenangan jiwa ketika berada di dalam masjid
40. Pernyataan di atas merujuk _____.
- A** adab di masjid
B hikmah beradab di masjid
C kepentingan masjid
D cara mengimarahkan masjid

BAHAGIAN B

1. (a) Firman Allah SWT:

فِيمَا رَحِمَهُ مِنَ اللَّهِ لَنْتَ لَهُمْ وَلَوْ كُنْتَ فَظًّا غَلِيظَ الْقَلْبِ لَانْفَضُّوا مِنْ حَوْلِكَ فَاعْفُ عَنْهُمْ وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ ﴿١٥٩﴾

(Surah ali-'Imran: 159)

Ayat di atas menyarankan umat Islam mencontohi sifat kesantunan Rasulullah SAW ketika berdakwah. Isi tempat kosong dengan pilihan jawapan yang betul.

bertoleransi	kesejahteraan	memaafkan	berkata-kata	bermesyuarat
--------------	---------------	-----------	--------------	--------------

- (i) Kita hendaklah mudah _____ kesalahan orang lain.
 (ii) Sentiasa _____ ketika hendak membuat sesuatu keputusan.
 (iii) Lemah lembut dalam _____.
 (iv) Mendoakan _____ orang lain walaupun terhadap musuh.

[4 markah]

- (b) Berdasarkan ayat di atas, nyatakan contoh Rasulullah SAW seorang yang mengamalkan bermesyuarat untuk menyelesaikan sesuatu masalah.

[2 markah]

Sabda Rasulullah SAW, maksudnya:

"Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia."

- (c) Berdasarkan maksud hadis di atas, mengapakah pendakwah perlu mencontohi sifat dakwah Rasulullah SAW? Bincangkan.

[4 markah]



2. (a) Firman Allah SWT:

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا وَاذْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءً فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا وَكُنْتُمْ عَلَى شَفَا حُفْرَةٍ مِنَ النَّارِ فَأَنْقَذَكُمْ مِنْهَا كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ آيَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿١٣٣﴾

(Surah ali-'Imran: 103)

Ayat di atas menjelaskan tanggungjawab setiap umat Islam menjaga perpaduan dalam masyarakat. Isi tempat kosong dengan pilihan jawapan yang betul.

hati	berjemaah	salam	Islam	membantu
------	-----------	-------	-------	----------

- (i) Kita hendaklah sentiasa menjaga _____ orang lain dengan bersangka baik kepadanya.
- (ii) Setiap kali bersua muka dengan orang hendaklah memberikan _____.
- (iii) Bergurau senda dan bercerita adalah digalakkan dalam _____.
- (iv) Setiap individu hendaklah sedia _____ sesiapa sahaja yang memerlukan bantuan tanpa mengira bangsa atau agama.

[4 markah]

- (b) Jelaskan hikmah memperkukuhkan persaudaraan dalam masyarakat dan negara.

[2 markah]

Firman Allah SWT:

Maksudnya: "Sebenarnya orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu".

(Surah al-Hujuraat: 10)

- (c) Sebagai seorang rakan, bagaimanakah usaha anda untuk mendamaikan dua orang rakan yang bergaduh dan bermasam muka dalam tempoh yang lama?


[4 markah]

3. (a) Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ يَقُولُ: مَنْ رَأَى مِنْكُمْ مُنْكَرًا، فَلْيُغَيِّرْهُ بِيَدِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِلِسَانِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِقَلْبِهِ، وَذَلِكَ أَضْعَفُ الْإِيمَانِ.

(Muslim)

Hadis di atas menjelaskan cara-cara mencegah kemungkaran.
Lengkapkan carta di bawah dengan jawapan yang betul.



[2 markah]

(b) Terangkan **dua** hikmah menangani kemungkaran.

- (i) _____

- (ii) _____

[4 markah]

(c) Tulis semula perkataan bergaris di bawah dalam tulisan jawi.

Kemungkaran perlu ditangani dengan hikmah, iaitu melalui pendekatan yang betul sesuai dan berkesan, di samping menggunakan nasihat dan pengajaran yang baik.

- (i) _____
- (ii) _____
- (iii) _____
- (iv) _____

[4 markah]

BAHAGIAN C

1. (a) Tuliskan (Al-Qadir) bagi pernyataan yang berkaitan dengan Al-Qadir dan (Al-Qawiy) bagi pernyataan yang berkaitan dengan Al-Qawiy.

(i) Allah SWT berkuasa menukarkan siang dan malam.

(ii) Allah SWT berkuasa mengurniakan mukjizat kepada nabi dan rasul.

(iii) Allah SWT berkuasa memberi rezeki kepada sesiapa sahaja yang berusaha mencarinya dengan cara yang betul.

(iv) Allah SWT berkuasa memberi azab kepada sesiapa yang ingkar.

[4 markah]

- (b) Gariskan jawapan yang betul di dalam kurungan.

(i) Allah berkuasa (mencipta / membentuk) langit dan bumi.

(ii) Mukjizat terbesar kepada (Nabi Adam a.s. / Nabi Muhammad SAW) ialah al-Quran.

(iii) Allah berkuasa memberi rezeki kepada sesiapa sahaja yang (berusaha / mencuri) dengan cara yang betul.

(iv) Sesungguhnya Allah yang (Maha Kuat / Maha Penyayang) lagi amat berat azab seksaannya.

[4 markah]

- (c) Nyatakan bukti Allah bersifat Al-Qadir.

[2 markah]

- (d) Terdapat manusia yang seringkali mencabar kekuasaan Allah dengan mempersoalkan setiap perkara yang berlaku.

Pada pendapat anda, mengapakah hal ini berlaku?

[4 markah]

- (e) (i) Nyatakan bukti Allah bersifat Al-Qawiy.

[2 markah]

- (ii) Keimanan kepada sifat Allah Al-Qadir akan melahirkan individu yang sentiasa bertawakal kepada Allah SWT.

Huraikan hujah anda untuk menyokong pernyataan di atas.

[4 markah]

2. (a) Tuliskan (Malaikat) bagi pernyataan yang berkaitan dengan sifat malaikat dan (Manusia) bagi pernyataan yang berkaitan dengan sifat manusia.

- (i) Diciptakan daripada cahaya.

- (ii) Bernafsu seperti kahwin.

- (iii) Makan dan minum.

- (iv) Sentiasa taat kepada Allah SWT.

[4 markah]

- (b) Gariskan jawapan yang betul di dalam kurungan.

- (i) Beriman kepada malaikat merupakan rukun iman yang (kedua / ketiga).
(ii) Malaikat ialah makhluk yang diciptakan oleh Allah dengan (cahaya / tanah).
(iii) (Malaikat / Manusia) diciptakan daripada tanah (Nabi Adam) dan air mani.
(iv) (Malaikat / Manusia) sentiasa beribadat dan mentaati Allah serta tidak pernah melakukan maksiat.

[4 markah]

- (c) Nyatakan keistimewaan al-Quran berbanding kitab samawi yang lain.

[2 markah]

Firman Allah SWT: *"Tidak ada sebarang perkataan yang dilafazkan (atau perbuatan yang dilakukan) melainkan ada di sisinya malaikat pengawas yang sentiasa sedia (menerima dan menuliskannya)".*

(Surah al-Qaf: 18)

- (d) Bagaimanakah maksud ayat di atas boleh mendorong anda untuk sentiasa berwaspada dalam melakukan kejahatan? Huraikan.

[4 markah]

- (e) (i) Nyatakan nama kitab samawi yang lain selain daripada al-Quran.

[2 markah]

Al-Quran diturunkan sebagai petunjuk kepada orang yang bertakwa.

- (ii) Huraikan keperluan Allah menurunkan al-Quran untuk manusia sedangkan manusia telah dikurniakan akal fikiran.

[4 markah]

BAHAGIAN D

1. (a) (i) Nyatakan **dua** syarat solat berjemaah.

1. _____
2. _____

[2 markah]

Terdapat segelintir umat Islam yang masih solat secara bersendirian walaupun sudah mengetahui akan manfaat solat berjemaah.

(ii) Mengapakah berlaku situasi di atas? Berikan hujah anda.

[4 markah]

(b) Pilih hukum yang betul bagi pernyataan di bawah.

Harus	Wajib	Haram	Sunat	Makruh
-------	-------	-------	-------	--------

- (i) Imam menyampaikan rukun khutbah solat Jumaat dalam bahasa Melayu. _____
- (ii) Zahidi menunaikan solat sunat tarawih pada setiap malam Ramadan. _____
- (iii) Afiya meninggalkan puasa Ramadan kerana datang haid. _____
- (iv) Zawiah menunaikan solat secara jamak dan qasar ketika bermusafir dari Johor Bahru ke Kuala Lumpur. _____

[4 markah]

(c) Tandakan (✓) bagi pernyataan yang betul dan (X) bagi pernyataan yang salah mengenai syarat sah solat Jumaat.

No.	Pernyataan	Tanda (✓) atau (X)
(i)	Solat perlu dilakukan di masjid sahaja.	
(ii)	Solat dilakukan pada waktu zuhur.	
(iii)	Solat boleh dilakukan secara bersendirian.	

[3 markah]

(d) Terangkan **dua** hikmah disyariatkan tayamum.

- (i) _____

- (ii) _____

[4 markah]

- (e) Gariskan jawapan yang betul di dalam kurungan.
- (i) Tayamum akan (terbatal / kekal) jika seseorang itu terkentut.
 - (ii) (Batal / Makruh) tayamum seseorang jika ada air sebelum solat dimulakan.
 - (iii) Seseorang itu tidak boleh bertayamum lagi setelah dia sembuh daripada penyakit yang menghalangnya daripada menggunakan (air / tanah).

[3 markah]

2. (a) (i) Nyatakan **dua** solat yang boleh diqasarkan.

1. _____
2. _____

[2 markah]

Anda merupakan seorang pengarah di sebuah hospital di bandar Kajang

- (ii) Berdasarkan pernyataan di atas, terangkan usaha yang anda lakukan untuk menggalakkan pesakit menunaikan solat.

[4 markah]

- (b) Pilih hukum yang betul bagi pernyataan di bawah.

Harus	Wajib	Haram	Sunat	Makruh
-------	-------	-------	-------	--------

- (i) Rosnah menjadi imam kepada rakan lelakinya di sekolah. _____
- (ii) Ramzan menunaikan solat Jumaat di rumahnya. _____
- (iii) Mariam memotong kuku pada pagi Jumaat. _____
- (iv) Hamadi berpuasa pada bulan Ramadan. _____

[4 markah]

- (c) Tandakan (✓) bagi pernyataan yang betul dan (X) bagi pernyataan yang salah mengenai keistimewaan bulan Ramadan.

No.	Pernyataan	Tanda (✓) atau (X)
(i)	Diturunkan al-Quran pada bulan Ramadan.	
(ii)	Terdapat lailatulqadar yang lebih baik daripada seribu bulan.	
(iii)	Bulan yang disunatkan untuk berpuasa.	

[3 markah]



(d) Jelaskan **dua** kaifiat menunaikan solat sunat rawatib.

- (i) _____

- (ii) _____

[4 markah]

(e) Gariskan jawapan yang betul di dalam kurungan.


- (i) Solat sunat rawatib ialah solat sunat yang mengiringi solat fardu dan waktunya mengikut solat (fardu / sunat).
- (ii) Solat sunat tarawih ialah solat sunat yang menghidupkan malam (Syawal / Ramadan).
- (iii) Solat sunat (witir / rawatib) ialah solat sunat yang dilaksanakan sebagai penutup bagi solat malam.

[3 markah]



BAHAGIAN E

1. (a) Lengkapkan jadual di bawah dengan jawapan yang betul.



[3 markah]

- (b) Tandakan (✓) bagi pernyataan yang betul dan (X) bagi pernyataan yang salah mengenai strategi dakwah Rasulullah SAW.

No.	Pernyataan	Tanda (✓) atau (X)
(i)	Baginda naik ke Bukit Safa dan mengajak masyarakat Mekah beriman kepada Allah SWT.	
(ii)	Rasulullah bertemu kabilah-kabilah yang datang ke Mekah pada setiap musim haji.	
(iii)	Rasulullah mengajak manusia beriman kepada Allah secara paksaan.	

[3 markah]

- (c) Peristiwa hijrah yang berlaku sebagai tanda peringatan kepada manusia bahawa kemenangan mutlak itu bukanlah kemenangan daripada kekuatan himpunan manusia, tetapi datangnya pertolongan daripada Allah SWT.

Jelaskan **empat** iktibar daripada peristiwa hijrah Rasulullah SAW ke Madinah.

- (i) _____
- (ii) _____
- (iii) _____
- (iv) _____

[4 markah]

- (d) Lengkapkan tempat kosong di bawah dengan memilih jawapan yang betul.

sopan	pemalu	melanggar	maksiat	menepati
-------	--------	-----------	---------	----------

- (i) Rasulullah SAW merupakan seorang yang _____.
- (ii) Seseorang yang tidak menunaikan solat menunjukkan bahawa dia seorang yang tidak berasa malu dalam _____ perintah Allah SWT.
- (iii) Malu melakukan _____ merupakan sifat malu yang sangat dituntut.
- (iv) Berbohong dan bercakap tidak _____ perlu dielakkan sebagai tanda malu melakukan perkara yang makruh.

[4 markah]

Sifat malu bukan sahaja melibatkan malu kepada manusia, tetapi yang lebih utama ialah malu kepada Allah.

(e) Pada pendapat anda, mengapakah kita perlu malu kepada Allah?

[4 markah]


(f) Terangkan **dua** sifat mahabbah yang dimurkai Allah.

(i) _____

(ii) _____

[2 markah]

2. (a) Lengkapkan jadual di bawah dengan jawapan yang betul.



[3 markah]

(b) Tandakan (✓) bagi pernyataan yang betul dan (X) bagi pernyataan yang salah mengenai peristiwa penting semasa hijrah Rasulullah SAW.

No.	Pernyataan	Tanda (✓) atau (X)
(i)	Rasulullah telah keluar bersama-sama Sayidina Abu Bakar r.a. pada waktu tengah malam.	
(ii)	Rasulullah telah membina masjid di Quba' ketika baginda menetap di sana beberapa hari.	
(iii)	Ketibaan Rasulullah di Madinah tidak mendapat sambutan.	

[3 markah]

(c) Sayidatina Khadijah r.a. merupakan seorang wanita yang berjaya sebagai seorang usahawan dan juga isteri.

Jelaskan **empat** iktibar yang anda perolehi melalui peribadi beliau.

(i) _____

(ii) _____

(iii) _____

(iv) _____

[4 markah]



(d) Lengkapkan tempat kosong di bawah dengan memilih jawapan yang betul.

perintah	keimanan	menghormati	aib	disayangi
----------	----------	-------------	-----	-----------

- (i) Kita hendaklah mencintai Allah SWT dan rasul dengan mendahulukan _____ Allah SWT dan Rasulullah SAW.
- (ii) Kita juga dianjurkan supaya _____ saudara seagama dengan mengajak mereka bersama-sama berbuat kebaikan dan mengamalkan perintah Allah SWT.
- (iii) Sifat malu akan menjadi benteng kepada _____ seseorang.
- (iv) Kita hendaklah sentiasa berbaik sangka dan menutup _____ orang lain.

[4 markah]

Daripada Abu Hurairah r.a. bahawa Nabi SAW bersabda:

"Sesiapa yang pergi ke masjid di waktu pagi atau petang, Allah SWT menyediakan untuknya sesuatu hidangan yang biasa diberikan kepada tetamu syurga bagi setiap kali ia pergi ke masjid sama ada pagi atau petang".

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

(e) Berdasarkan maksud hadis di atas, apakah tindakan anda untuk mengimarahkan masjid? Huraikan.

[4 markah]

(f) Nyatakan **dua** akibat tidak beradab kepada ibu bapa dan keluarga.

- (i) _____
- (ii) _____

[2 markah]